

**ARAHAN DAN PERATURAN MASUK KE DALAM DEWAN
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI TERENGGANU**

A. ARAHAN

1. HORMAT

Hendaklah hormat kepada Yang Arif Tuan Hakim ketika masuk dan keluar dari dewan dengan berhenti dan tunduk menghadap Yang Arif Tuan Hakim.

2. TEMPAT DUDUK (KECUALI PIHAK-PIHAK YANG DIBICARAKAN)

- Lelaki : Kerusi sebelah kanan Yang Arif Tuan Hakim
- Perempuan : Kerusi sebelah kiri Yang Arif Tuan Hakim

3. SENYAP

Ketika Mahkamah bersidang hendaklah senyap.

4. PAKAIAN

- Lelaki : Pakaian sopan, kemas, tertib dan menutup aurat.
- Perempuan : Pakaian sopan, tertib dan tidak mencolok mata, memakai tudung dan menutup aurat.

B. LARANGAN

1. PAKAIAN

- **Lelaki** : Baju-T, seluar pendek, jeans, rambut panjang melebihi paras bahu, selipar, bertopi adalah tidak dibenarkan.
- **Perempuan** : Baju-T, baju/seluar pendek, mini skirt, baju/kain/seluar ketat, jeans, selipar, bertopi, berselendang/bertudung yang menampakkan rambut adalah tidak dibenarkan.

2. Menghisap rokok.

3. Kanak-kanak di bawah umur **12 tahun** kecuali dengan kebenaran Mahkamah.

4. Bersebang/ Buat bising.

5. Membawa senjata api/ tajam dan lain-lain yang boleh mengakibatkan kecederaan.

6. Membaca akhbar/ majalah dan lain-lain.

7. Bersilang kaki/ berpeluk tubuh.

8. Makan dan minum.

9. Mengaktifkan telefon bimbit/ telefon mudahalih.

10. Membuat rakaman video atau audio semasa perbincangan sedang berjalan.

11. Duduk sebangku antara lelaki dan perempuan.

C. INGATAN

Pihak-pihak yang terlibat dengan perbincangan dikehendaki berada di dalam dewan **sepuluh (10) minit lebih awal** sebelum perbincangan dimulakan.

**KETUA PENDAFTAR
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH
NEGERI TERENGGANU**